



ANWAR Ibrahim disambut Tok Batin Che Wan Alang ketika menghadiri program Bersama Masyarakat Orang Asli Kampung Tonggang di Ulu Kinta, Perak, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Bajet perumahan polis akan ditambah

Oleh ASLIZA MUSA
utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Kerajaan akan cuba menyediakan peruntukan tambahan bagi memperbaiki dan menyelenggara perumahan polis menerusi Belanjawan 2024 yang dibentang Oktober ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, setakat ini, sekitar 40 ke 60 peratus perumahan polis di seluruh negara selamat diduduki manakala selebihnya berada dalam keadaan uzur.

"Insya-Allah, dalam Belanjawan Madani pada Oktober ini, saya akan cuba ikhtiar untuk dapatkan peruntukan tambahan bagi baiki yang asas dahulu, yang lain-lain itu kita akan beri

perhatian," katanya ketika berucap pada Jamuan Rakyat Perdana Menteri Bersama Warga dan Keluarga Kem Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Utara, Ulu Kinta di sini semalam.

Menurut Anwar yang juga Menteri Kewangan, peruntukan tambahan itu mampu disediakan berikutan semakin banyak pelabur datang ke Malaysia.

Katanya, sebagai contoh, Elon Musk (Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Tesla Inc) telah bersetuju memilih Cyberjaya sebagai ibu pejabat Tesla bagi kawasan Asia Tenggara manakala syarikat automotif China, Zhejiang Geely Holding Group Co Ltd (Geely) pula bersetuju menjadikan Tanjung Malim sebagai pengkalan (pembangunan dan pengkomer-

silan Lembah Teknologi Tinggi Automotif (AHTV).

"Malah, syarikat semikonduktor dari Jerman, Infineon Technologies AG juga baru membuat keputusan tiga minggu lalu, untuk memilih Malaysia dengan pelaburan sekitar RM20 bilion" katanya.

Pada 15 Julai lalu, Anwar mengumumkan peruntukan tambahan RM150 juta bagi tujuan penyelenggaraan dan naik taraf infrastruktur Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Penjara di seluruh negara.

Terdahulu Perdana Menteri melancarkan Kempen MyJalan KKR di Pulau Banting dekat Gerik dan program Bersama Masyarakat Orang Asli Kampung Tonggang di Ulu Kinta.